

Kabinet bincang isu ketum, ganja untuk ubat

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Isu-isu dasar berkaitan industri hem, ganja untuk tujuan perubatan (medical cannabis) dan ketum akan dibincang dan diperhalusi dengan lebih teliti dalam mesyuarat Kabinet.

Perkara itu disahkan oleh Kaukus Medical Cannabis setelah mengadakan pertemuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam.

Kaukus itu yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, pertemuan tersebut membincangkan mengenai potensi industri tersebut dalam membantu bidang perubatan serta menjana ekonomi negara.

“Industri ini sedang giat

dibangunkan oleh banyak negara luar. Lebih 40 buah negara sudah membenarkan penggunaan kanabis untuk perubatan. Nilai pasaran industri ini cecah RM60 bilion. Mala Thailand juga sedang mengkaji industri ini untuk negara mereka.

“Kaukus Medical Cannabis percaya Malaysia mempunyai ruang dan peluang yang besar dalam industri ini untuk tujuan perubatan, penyelidikan dan mampu memberi manfaat besar,” katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Kaukus Medical Cannabis juga membangkitkan isu berkaitan rakyat Malaysia yang didakwa di mahkamah dan disabitkan bersalah kerana penggunaan ganja untuk tujuan perubatan, dengan pandangan perundangan juga menjadi perhatian utama dalam pertemuan rasmi tersebut.

“Perdana Menteri telah memberi respons yang positif dan isu-isu berkaitan industri ini akan dibincang dan diperhalusi dengan lebih teliti dalam mesyuarat Kabinet,” katanya.

Tambahnya, jalinan kerjasama dwi-partisan antara Ahli-Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang dalam kaukus tersebut membolehkan pelbagai langkah boleh diambil kerajaan berkaitan isu ini.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Ahli Parlimen Pengerang, Datuk Seri Azalina Othman Said; Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad; Ahli Parlimen Kuala Langat, Datuk Dr. Xavier Jayakumar; Ahli Parlimen Penampang, Datuk Ignatius Darell Leiking, Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr. Kelvin Yü Lee Wuen dan Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr. Azman Ismail.



ISMAIL Sabri Yaakob ketika berjumpa dengan ahli Kaukus Medical Cannabis bagi membincangkan isu ketum, ganja untuk perubatan di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.